

No. Rujukan : UMK.PC./B03.00/100-6/4 JLD 3 (01)



**SURAT PEKELILING BENDAHARI
BILANGAN 6 TAHUN 2019**

**BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2019
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

Pejabat Bendahari

27 Mei 2019

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Ketua PTJ/Dekan/Pengarah

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

No. Rujukan : UMK.PC./B03.00/100-6/4 JLD 3 (01)

27 Mei 2019

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 6/2019

BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2019

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeling ini adalah untuk memaklumkan berkenaan bayaran bantuan khas kewangan 2019 Universiti Malaysia Kelantan berdasarkan Pekeling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2019 – Bayaran Khas Kewangan Tahun 2019.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan telah memutuskan supaya Bayaran Khas Tahun 2019 sebanyak RM450.00 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di Gred 56 dan ke bawah dan RM225 kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen.
- 2.2 Kertas kerja cadangan pembayaran ini telah diperakukan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 02/2019 pada 24 Mei 2019 dan telah diluluskan secara edaran oleh Lembaga Pengarah Universiti pada 27 Mei 2019.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 sebanyak RM450 diberi kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di Gred 56 dan ke bawah dengan syarat bahawa Pegawai masih berkhidmat sehingga 24 Mei 2019 dan berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 24 Mei 2019.

- 3.2 Tempoh 30 hari berturut-turut adalah termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 24 Mei 2019.
- 3.3 Pembayaran gaji pegawai yang layak, tidak layak, penangguhan bayaran, pegawai lantikan Contract Of Service (COS), pekerja sambilan harian (PSH), pesara dan pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan adalah sepertimana yang dinyatakan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2019 **Lampiran A.**

4.0 TARIKH PEMBAYARAN

- 4.1 Bayaran Khas Kewangan Tahun 2019 akan dibayar pada 28 Mei 2019.

5.0 PEMAKAIAN

- 5.1 Surat pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT SEPAKAT, NEGERI BERKAT"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



JUNAIDAH BINTI BADAR

Bendahari

b.p: Naib Canselor

